

Penyenaraian di London kukuhkan Ireka

KUALA LUMPUR 4 April - Penyenaraian portfolio pembangunan hartanah Ireka Corporation Bhd. dalam pasaran utama Bursa Saham London (LSE) akan membantu mengurangkan pinjaman dan mengukuhkan kedudukan kewangannya, kata Pengarah Urusan kumpulan Lai Siew Wah hari ini.

Ireka melupuskan keseluruhan pemegangan sahamnya dalam Ireka Land Sdn. Bhd. dan ICSD Ventures Sdn. Bhd. kepada Aseana Properties Ltd. (APL).

APL adalah dana pembangunan hartanah yang bakal disenaraikan di Papan

Utama LSE dengan modal pasaran disasarkan AS\$250 juta (RM600 juta) pada jam 4.00 petang waktu Malaysia esok.

"Cadangan pelupusan dan penyenaraian itu membolehkan kumpulan Ireka mendapat nilai portfolio hartanahnya pada nilai pasaran dalam bentuk tunai dan saham APL," kata Siew Wah dalam satu kenyataan di sini.

"Ini membolehkan Ireka menyelaraskan kedudukan kewangannya dan memberi fokus pada kepakaran sekian lamanya dalam sektor pembinaan dan hartanah," katanya.

"Ini akan membolehkan kami meraih peluang besar yang ada dalam sektor pembi-

naan Malaysia yang diperkukuhkan oleh Rancangan Malaysia Ke-Sembilan," katanya.

Sebaik selesai penyenaraian itu, Ireka akan menjadi pemegang saham utama APL, dengan mengambil bahagian dalam pendapatan masa depan APL dengan mengekalkan pegangan 20 peratus dalam syarikat itu.

Ireka akan turut menjadi pengurus tunggal APL, sekali gus membolehkannya meraih pendapatan berulang dari perkhidmatan yang disediakan.

APL turut menyasarkan untuk menyediakan para pemegang sahamnya dengan pulangan keseluruhan yang menarik kese-

luruhannya melalui peningkatan modal dengan melabur di Malaysia dan Vietnam, yang merupakan dua ekonomi paling cepat berkembang di Asia.

Hartanah di bawah Ireka Land Sdn. Bhd. yang akan dimasukkan dalam portfolio APL termasuk *One Mont Kiara by i-Zen*, *Tiffani by i-Zen* dan *i-Zen @ Kiara 1*.

One Mont Kiara adalah projek yang terdiri dari pusat membeli belah peruncitan dan dua menara pejabat manakala *Tiffani by i-Zen* terdiri daripada tiga blok kondominium mewah dan *i-Zen @ Kiara 1* ialah bangunan kediaman yang diservis 35 tingkat.